

Kekalkan nama UPM - Kaseh

KOTA BHARU 10 Jun - Ke-
lab Alumni Fakulti Reka
Bentuk dan Seni Bina (Ka-
sel) Universiti Putra Malay-
sia (UPM) mahu kerajaan
mengkaji semula cadangan
menukar kembali nama
universiti berkenaan ke-
pada Universiti Pertanian.

Timbalan Presiden Ka-
sel, Ariff Hakimi Zulkifli
berkata, pihaknya tidak
bersetuju dengan cada-
ngan itu sebaliknya mahu
universiti berkenaan ke-
kal dengan nama Univer-
siti Putra.

Menurutnya, nama itu
lebih sesuai memandang-
kan universiti berkenaan
menawarkan pelbagai
kursus dan tidak terhad
kepada bidang pertanian
semata-mata.

“Jika nama UPM ditu-
kar saya kluatir akan me-
ngelirukan masyarakat
yang menganggap univer-
siti ini hanya menawarkan
jurusan pertanian sahaja.

“Sedangkan UPM me-
nawarkan pelbagai kursus
kepada pelajar termasuk
perubatan dan kejurute-
raan sesuai dengan pasa-
ran kerja hari ini,” katanya
kepada *Utusan Malaysia*
di sini hari ini.

Beliau mengulas cada-
ngan Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani, Da-
tuk Seri Ismail Sabri Yaakob
supaya nama asal UPM di-
gunakan semula bagi me-
ngembalikan imej sektor
pertanian yang berhubung-
kait dengan pendidikan
dan keusahawanan.

Menurut Ariff Hakimi,
nama ‘Putra’ perlu dike-
kalkan bagi mengenang
sumbangan dan jasa yang
dicurahkan Perdana Men-
teri pertama, Almarhum
Tunku Abdul Rahman Pu-
tra Al-Haj terhadap uni-
versiti itu khususnya dan
negara amnya.